



## **KENYATAAN MEDIA**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA**

**19 APRIL 2016**

---

### **OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) DI BAHAGIAN UTARA SEMENANJUNG BERJAYA MENGHASILKAN HUJAN LEBAT DI BUKIT MERAH, PERAK**

---

Operasi Pembentukan Awan (OPA) di bahagian utara Semenanjung yang dilaksanakan pada hari ini mulai jam 2.50 hingga 5.13 petang, telah berjaya menghasilkan hujan lebat di kawasan sasaran Empangan Bkt. Merah, Perak.

Walau bagaimanapun, tiada hujan dikesan di kawasan sasaran pembentukan seperti berikut:

- 1) Empangan Timah Tasoh, Perlis
- 2) Empangan Ahning
- 3) Empangan Pedu
- 4) Empangan Muda
- 5) Empangan Beris, Kedah,
- 6) Empangan Teluk Bahang
- 7) Air Itam, Penang.

Pada masa yang sama, sehingga jam 4.00 petang hari ini juga, terdapat sembilan (9) tempat yang mencatatkan bacaan suhu 37.0°C dan melebihi iaitu:

- 1) Alor Setar 38.7°C
- 2) Langkawi 37.3°C
- 3) Batu Embun 38.6°C
- 4) Chuping 38.5°C
- 5) Lubuk Merbau 37.2°C
- 6) Petaling Jaya 37.0°C
- 7) KLIA 37.1°C
- 8) Temerloh 38.2°C
- 9) Kuala Krai 37.5°C

Sehingga 18 April 2016 pula hanya daerah Hulu Terengganu mencatatkan bilangan hari tanpa hujan paling tinggi iaitu 21 hari.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Malaysia

Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092

Email: [ukk.mosti@1govuc.gov.my](mailto:ukk.mosti@1govuc.gov.my)